



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016 1103/ 2
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor berlakunya longgokan sampah** dan **kesan-kesan longgokan sampah**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Secara purata, setiap rakyat Malaysia membuang dua kilogram sampah sehari. Kira-kira 45 peratus daripada sampah tersebut ialah sisa makanan, 25 peratus plastik dan 30 peratus bahan-bahan lain. Hal ini bererti hampir setengah daripada jumlah sampah di negara kita terdiri daripada sisa makanan. Keadaan ini disebabkan oleh sikap kebanyakan rakyat Malaysia yang suka membeli makanan mengikut nafsu, bukan mengikut keperluan. Sampah terhasil apabila isi rumah membuang apa-apa yang tidak perlukan oleh mereka. Apabila sistem kutipan sampah tidak sempurna, sampah mula bertimbun di tempat sendiri.

Terdapat orang ramai yang gagal menguruskan sampah mereka dan tidak melupuskannya mengikut cara yang betul, sehingga menyebabkan berlakunya longgokan sampah. Selain itu, amalan penggunaan pinggan mangkuk dan bungkusan pakai buang seperti polisterina dan beg plastik yang semakin berleluasa pada masa ini turut menjadi penyumbang kepada longgokan sampah sarap. Oleh itu, kerajaan seharusnya menguatkuasakan larangan penggunaan polisterina dan beg plastik kerana penguraiannya memakan masa yang sangat lama. Selain itu, terdapat juga sesetengah barangan dibungkus secara berlebih-lebihan untuk menarik minat pengguna. Namun demikian, tanpa disedari bahan pembungkusan barangan yang dibuang begitu sahaja boleh menyebabkan timbunan sampah semakin bertambah. Masalah tersebut menjadi *semakin serius* apabila terdapat pihak yang dipertanggungjawab untuk mengutip dan melupuskan sampah tidak menjalankan tugas secara berkesan.

Baru-baru ini, sebuah akhbar melaporkan bahawa sikap pembaziran dalam kalangan rakyat Malaysia semakin menjadi-jadi khususnya semasa musim perayaan. Masyarakat kita yang gemar membeli barangan baharu dan membuang barangan lama menjadikan masalah longgokan sampah tiada penyelesaiannya. Perkara ini tidak akan berlaku jika amalan kitar semula dilaksanakan dalam kalangan rakyat. Malangnya, amalan kitar semula di negara kita kurang mendapat sambutan. Keadaan ini diburukkan lagi apabila tempat pengumpulan bahan kitar semula yang ada di seluruh negara tidak mencukupi. Seharusnya, tong kitar semula disediakan di banyak tempat dan ada pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskannya secara berkesan.

Di samping itu, sikap masyarakat yang tidak ada kesedaran akan pentingnya menjaga alam sekitar dengan membuang bahan buangan domestik sewenang-wenangnya turut menyebabkan masalah longgokan sampah yang tidak terkawal. Contohnya, penggunaan lampin pakai buang yang menjadi gaya hidup masyarakat moden pada hari ini telah menambahkan lagi masalah longgokan sampah. Seharusnya, penggunaan lampin bayi jenis kain yang boleh dicuci menjadi pilihan kerana lampin pakai buang amat sukar untuk dilupuskan. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu segera beralih kepada penggunaan bahan mesra alam. Dalam hal ini, pendidikan memainkan peranan utama untuk melahirkan masyarakat pengguna yang bijak demi kesejahteraan hidup manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Longgokan Sampah Masalah yang Tiada Nuktah'
oleh Amlir Ayat,
Dewan Masyarakat, November 2011

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *semakin serius*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa cara menangani masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal.

Nyatakan cara-cara tersebut. [3 markah]

(iii) Kerajaan mengadakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Sabtu. Pada pendapat anda, bagaimanakah kempen ini dapat dijayakan dengan lebih berkesan?

Berikan **tiga** cara. [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hakim terus mengeluh, “Apalagi yang boleh aku buat selain meneruskan kerja-kerja membela ayam dan mengharapkan hasil yang baik. Aku sudah berhutang dengan bank. Hutang mesti dibayar, kalau tidak tanah aku akan dirampas. Kau ingat kan, tanah inilah yang kita tuntutan di mahkamah dengan susah payah. Bank akan merampas tanahku tidak ubah seperti raja merampas tanah datukku dahulu.”

Hakim meluahkan segala yang telah bersarang di dadanya. “Banyak persamaan antara aku dengan datukku. Kami sama-sama membela ayam dan kami sama-sama menggadai tanah. Kami sama-sama berada di bawah cengkaman orang berkuasa. Walaupun namaku tidak lagi berunsur kolot dan kuno seperti datukku, tetapi itu tidak bererti apa-apa. Sepatutnya namaku ialah Kaduk bin Kaduk bin Kaduk.”

“Pada zaman ini tiada lagi raja yang menyabung ayam tetapi raja baharu telah muncul. Raja itu tetap menguasai seluruh hidup kita. Kita tidak dapat berbuat apa-apa selain mengikut telunjuk mereka. Mereka ialah golongan yang memegang kuasa ekonomi negara. Kita tetap kaduk dan mereka tetap raja,” luah Hakim lagi.

Dipetik daripada cerpen ‘Kaduk Ayam dan Raja’
oleh Zurinah Hassan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan, nyatakan persamaan antara Hakim dengan datuknya, Kaduk. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh Hakim untuk mengurangkan beban hutang yang ditanggungnya? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Siti Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, “Mati engkau, Cau Pandan.”

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, “Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat.”

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi:

Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sungguhlah tuan keramat*. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah Tuan Sidi Arab berjaya menghalang Cau Pandan anak Bubunnya daripada menyerang Melaka. [3 markah]
- (iii) Tuan Sidi Arab amat pakar dalam memanah. Pada pendapat anda, apakah kepentingan khidmat pakar dalam sistem pertahanan sesebuah negara. [3 markah]

Soalan 2 (d) – Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU

Baginda menitahkan orang besar empat,
Membuat istana puri berkota;
Lalu dipanggil Pawang Raja.
Pawang mengerah orang bekerja,
Empat puluh empat tukang dan utas,
Siang malam tidak berhenti

Tujuh bulan tujuh purnama,
Istana siap dengan alatnya;
Besar tersergam sembilan ruang,
Sepuluh dengan rembat gantung,
Sebelas dengan pancung serong,
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,
Tiang panjang maharaja lela,
Tiang tengah syukur menanti;
Galang-galangnya ular berang,
Kasau kecil puteri menyembah,
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,
Bertakuk bersedelinggam,
Berjenang berbatu kawi,
Berselimpat ukir Jawa,
Lilit-melilit akar Cina;
Garam sebuku sisa jeragan,
Bunga kenanga dimakan ular,
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,
Tiada orang dapat meniru:
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri

Za'ba,

Antologi Sejadah Rindu

Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT**1103/2**

- (i) Berdasarkan petikan seloka, bagaimanakah istana raja dapat dibina? [2 *markah*]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memastikan kemahiran seni bina tradisional di negara ini dapat dikekalkan? [3 *markah*]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam puisi tersebut? [4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkatan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) pilih
- (ii) pilihan
- (iii) pemilihan
- (iv) tukar
- (v) tukaran
- (vi) penukaran

[6 markah]

- (b) **Tukar cakap ajuk dalam petikan di bawah kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.**

“Saya bercadang menyertai pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh sebuah syarikat rakaman,” kata Alia kepada sahabat baiknya Julia.

“Eloklah tu, Alia. Suara awak memang merdu dan patut diketengahkan,” sokong Julia.

“Tapi saya bimbang jika ibu bapa saya tidak mengizinkannya,” ujar Alia.

“Agaknya, macam mana saya hendak bercakap dengan mereka,” Alia meminta pandangan Julia.

“Mudah sahaja, awak katalah awak ada harapan dan dan berjanji akan menjaga diri dan nama baik keluarga,” cadang Julia.

“Bagus juga cadangan awak tu. Baiklah saya akan cuba,” balas Alia.

[6 markah]

- (c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Deligasi dari luar negara yang menghadiri Seminar Kemanusiaan Sejangat di Putrajaya diberi cenderamata sebagai tanda ingatan.
- (ii) Setiap ibu bapa harus sedar bahawa mereka memikulkan tanggungjawab mendidik dan menggilap karisme anak-anak menjadi insan yang cemerlang.
- (iii) Keuntungan yang menjanjikan melalui skim cepat kaya merupakan pembohongan pihak penganjur yang ingin mengaut keuntungan berlipatganda.

[6 markah]

(d) *Dalam petikan di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sampah-sarap yang dibuang di dalam sungai itu telah menyebabkan aliran sungai tersangkut dan berbau busuk.
- (ii) Aktiviti tolong-menolong membersihkan kawasan kejiranan dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan penduduk.
- (iii) Pada akhir waktu persekolahan, Cikgu Kamil menerangkan lain-lain faktor yang mengakibatkan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511.

[6 markah]

(e) *Berikan peribahasa yang bersesuaian dengan maksud peribahasa di bawah.*

- (i) Tidak akan tercapai dengan tidak berusaha kuat
- (ii) Kalau takut menanggung kesusahan, janganlah melakukan kerja yang susah.
- (iii) Berhati-hati apabila melakukan atau memperkatakan sesuatu.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel[15 *markah*]

Jawab soalan- soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Rohani Matdarin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (viii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua contoh nilai tanggungjawab** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 *markah*]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel, huraikan **satu peristiwa** tentang kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut yang telah anda pelajari [8 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT